

## PENGARUH GLOBALISASI TERHADAP PERADABAN

Osman Bakar

### Pengenalan

Kebanyakan diskusi tentang globalisasi tertumpu pada isu-isu ekonomi seolah-olah dimensi globalisasi yang lain seperti globalisasi kebudayaan dan globalisasi ilmu pengetahuan dan maklumat tidak penting. Tajuk ini boleh menonjolkan konsep globalisasi yang jauh lebih komprehensif yang lebih menepati hakikat globalisasi yang sebenarnya. Di samping itu ia boleh menegaskan bahawa semua dimensi globalisasi, bukan sekadar dimensi ekonomi, adalah penting kepada masa depan masyarakat dan negara ini khasnya dan masa depan peradaban umat manusia pada amnya. Secara relatifnya amat berkurangan isu globalisasi dibahaskan dari kacamata budaya dan peradaban Malaysia. Yang menguasai wacana globalisasi di peringkat dunia ialah pandangan dan perspektif Barat. Kita perlu mengetengahkan perspektif Islam dan perspektif dunia Timur di peringkat antarabangsa secara yang lebih berkesan supaya masyarakat dunia berpeluang membandingkan antara satu perspektif dengan perspektif yang lain secara adil dan saksama.

### Pemikiran Semasa tentang Globalisasi: Beberapa Isu Utama

Ada beberapa isu yang perlu diberi perhatian dalam kita membahaskan persoalan pertalian globalisasi dengan peradaban.

**Isu pertama** ialah betapa perlunya kita melihat semua dimensi globalisasi kontemporari sebagai relevan dan penting kepada masyarakat dan negara kita. Di sini kita menyenaraikan kesemua dimensi globalisasi yang dapat dikenalpasti supaya gambaran menyeluruh diperolehi tentang globalisasi. Seterusnya kita akan meneliti sifat dan ciri-ciri setiap dimensi dan apa pentingnya dimensi berkenaan kepada negara ini. Setiap dimensi boleh dilihat dan diterokai sama ada secara berasingan dan terpisah daripada dimensi-dimensi lain atau pun dilihat secara interaktif dan kait mengait antara satu sama lain. Tetapi kepentingan masing-masing dimensi haruslah diakui.

Dalam makalah ini senarai dimensi globalisasi yang ingin dibincangkan terhad kepada empat sahaja, iaitu (1) dimensi ekonomi, (2) dimensi politik, (3) dimensi kebudayaan dan keagamaan dan (4) dimensi keilmuan. Dengan penjurusan kepada empat dimensi ini maka kita boleh berbicara tentang empat jenis globalisasi, iaitu globalisasi ekonomi (*economic globalization*), globalisasi politik (*political globalization*), globalisasi kebudayaan dan keagamaan (*cultural and religious globalization*), dan globalisasi ilmu pengetahuan dan maklumat (*knowledge and information globalization*).

Ada beberapa lagi dimensi atau jenis globalisasi yang juga penting tetapi tidak disenaraikan bagi tujuan makalah ini. Satu daripadanya ialah globalisasi demografi (*demographic globalization*) yang merujuk kepada penghijrahan manusia yang berlaku sehingga merubah pola demografi sesebuah negara. Alasan ia tidak disenaraikan ialah kerana globalisasi demografi mungkin yang paling minima pengaruh, kesan dan dampaknya ke atas Malaysia, paling tidak buat masa ini dan dalam masa yang terdekat. Bagi tujuan menggambarkan bahawa dalam keskes tertentu dimensi demografi penting untuk diteliti dan dampaknya dalam pelbagai bidang ditinjau serta dinilai, lihat sahaja kesan dimensi ini ke atas Amerika Syarikat, iaitu negara yang boleh dianggap sebagai paling banyak mengalami perubahan demografi di dunia buat masa ini. Penghijrahan pesat kaum etnik Hispanik dari negara-negara Amerika Latin ke Amerika Syarikat dalam masa kebelakangan ini telah pun meninggalkan kesan signifikan dalam bidang politik, ekonomi

dan sosio-budaya, khususnya dalam bidang bahasa. Bahasa Sepanyol kini kelihatan muncul sebagai bahasa "rasmi" kedua Amerika Syarikat memandangkan bahawa semakin banyak jabatan kerajaan mengambil langkah untuk mengiktiraf pemakaian bahasa Sepanyol. Malah Presiden Bush sudah sering menyampaikan ucapan-ucapannya dalam dua bahasa, iaitu bahasa Inggeris dan bahasa Sepanyol.

Ada satu lagi kesan globalisasi demografi di Amerika Syarikat yang dikaitkan dengan kaum Hispanik. Masyarakat Kristian, khususnya golongan Katolik, menjadi gempar apabila akhbar terkenal *The Washington Post* mendedahkan pada tahun 2001 bahawa terdapat trend di kalangan kaum Hispanik yang bermazhab Katolik untuk meninggalkan agama asal mereka kerana ingin memeluk agama Islam. Sehingga kini dianggarkan lebih kurang 40,000 orang keturunan etnik Hispanik telah memeluk agama Islam di seluruh Amerika Syarikat. Mereka dilaporkan telah mendirikan masjid sendiri untuk jemaah Islam Hispanik di kota-kota besar seperti Los Angeles, New York dan Washington D.C. Apa yang agak memeranjatkan masyarakat Kristian Amerika ialah betapa orang keturunan Hispanik yang dianggap "orthodox" dalam kepercayaan agama mereka dan begitu setia kepada mazhab Katolik boleh tertarik kepada agama Islam yang dilihat oleh banyak pihak di Amerika sebagai agama kolot, mundur dan ganas.

Tinjauan awal oleh akhbar berkenaan menunjukkan bahawa mereka sangat sayangkan ajaran agama tradisi mereka dan rindukan "hubungan kerohanian yang peribadi dan langsung dengan Tuhan" tetapi menganggap gereja Katolik telah gagal memenuhi keperluan kerohanian ini. Mereka tertarik kepada Islam kerana melalui pengalaman hidup mereka di Amerika mereka melihat Islam sebagai satu-satunya agama yang dapat memenuhi kedua-dua keperluan mereka tadi. Pada pandangan penganut-penganut baru Islam ini ajaran Islam ialah yang terhampir dengan ajaran tradisi Katolik dan pada masa yang sama ia menawarkan hubungan kerohanian langsung manusia dengan Tuhan tanpa perantaraan padri. Daripada contoh kaum Hispanik yang berhijrah ke Amerika Syarikat ini, kita dapat lihat bagaimana globalisasi demografi yang telah

mempertembungkan kaum itu dengan kaum-kaum lain di negara itu telah meninggalkan kesan signifikan dalam bidang bahasa dan bidang agama, tentunya selain kesan dalam bidang-bidang lain.

Sebenarnya tanah air kita pernah dalam sejarahnya melalui pengalaman yang serupa. Kalau kita mengakui wujudnya proses globalisasi dalam zaman penjajahan Barat, maka globalisasi demografi adalah salah satu dimensinya yang utama. Atas kepentingan ekonomi kaum penjajah dan atas pertimbangan-pertimbangan lain, imigrasi paksaan atau separapaksaan telah berlaku secara besar-besaran sehingga meninggalkan kesan demografi yang amat ketara ke atas sebahagian besar dunia. Tetapi dunia Barat (tidak termasuk Amerika) yang mencetuskan gelombang globalisasi demografi era itu pada umumnya sendiri terlepas daripada kesannya. Negara kita khususnya dipaksa menerima kaum pendatang dari negeri China dan India dalam bilangan yang banyak bagi tujuan membekalkan tenaga pekerja untuk pembangunan ekonomi kolonial British. Kesan polisi imigrasi kolonial ini adalah jelas. Peta demografi negara ini banyak berubah. Negara ini muncul sebagai sebuah negara majmuk yang berbilang bangsa dan agama. Salah satu implikasi jangka panjangnya ialah negara ini terpaksa berhadapan dengan masalah pluralisme yang masih belum dapat diatasi dengan jayanya. Peradaban negara ini telah berubah wajah dan corak dan ia terpaksa melalui proses pembentukan semula. Dengan itu kita dapat menghargai betapa signifikannya globalisasi demografi kepada isu-isu budaya dan peradaban.

**Isu kedua** ialah perlunya kita memberi perhatian kepada sifat hubungan antara globaliasi dan peradaban. Peradaban yang kuat dan cergas lagi dinamik boleh mencetuskan serta mencorakkan globalisasi. Sebaliknya pula globalisasi boleh meninggalkan kesan yang positif dan juga negatif ke atas peradaban. Dinamika interaksi antara peradaban dan globalisasi memang perlu dikaji dan difahami dengan mendalam kerana dampaknya tidak semestinya dapat dilihat dan dirasai dengan serta merta. Kajian ini adalah perlu demi mempertahankan

peradaban kita daripada serangan unsur-unsur negatif globalisasi kontemporeri sebelum pun kita sempat meraih manfaat daripada unsur-unsur positifnya. Berdasarkan pengalaman silam yang diperkuuhkan pula dengan kajian ilmiah seperti ini adalah diharapkan kita akan dapat meramalkan trend-trend baru dalam globalisasi yang boleh meninggalkan kesan berpanjangan terhadap peradaban kita. Seterusnya kita akan dapat mengambil langkah-langkah jangka panjang untuk membendung trend-trend yang negatif.

Kita sudah lihat sebentar tadi bagaimana "kesan peradaban" daripada globalisasi demografi dalam era penjajahan yang berlaku satu dua kurun yang lalu masih dirasai dan masih menjadi masalah kepada negara ini. Sayangnya, dunia Islam kontemporeri tidak memberi perhatian serius kepada persoalan ini. Pada umumnya, rata-rata di dunia Islam pihak pemerintah kurang berminat terhadap isu-isu peradaban seolah-olah soal masa depan identiti budaya dan peradaban kita sendiri tidak lagi penting bagi kita. Ambil contoh isu dialog peradaban. Atas cadangan Persidangan Pertubuhan Islam (OIC) sendiri, yang dibuat atas desakan Republik Islam Iran, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah mengisyiharkan tahun 2001 sebagai "Tahun Dialog Peradaban." Dalam masyarakat dunia yang berbilang peradaban, dialog peradaban sangat patut digalakkan, lebih-lebih lagi di peringkat pembuat dasar negara. Dan dalam konteks pergolakan dunia sekarang, isu globalisasi merupakan salah satu isu kepentingan bersama bagi semua peradaban yang amat wajar diutamakan dalam dialog peradaban pada peringkat antarabangsa. Malangnya, "Tahun Dialog Peradaban" tidak menyaksikan apa-apa dialog yang signifikan kecuali satudua program yang berlangsung di Iran atas inisiatif peribadi Presiden Khattami pada waktu itu yang memang diketahui cukup berminat dengan isu dialog peradaban.

Namun demikian, di tahun-tahun berikutnya di Malaysia sendiri ada perkembangan yang dikira menarik. Perdana Menteri sekarang Dato Seri Abdullah Ahmad Badawi telah menunjukkan bahawa beliau berminat dengan isu dialog peradaban dan dialog antara budaya. Kerajaan pimpinannya

juga berminat dengan gagasan "Pakatan Peradaban-Peradaban Dunia" (*The Alliance of Civilizations*) yang dipelopori oleh Turki dan Sepanyol dan disokong kuat oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Gagasan ini telah dilancarkan oleh mantan Setiausaha Agung PBB, Kofi Annan pada 27-29 November 2005. Dato Seri Abdullah sering menekankan bahawa dialog antara budaya dan peradaban adalah merupakan pra syarat bagi keamanan dunia. Sehubungan dengan itu, sejak tahun 2006 sudah tiga tahun berturut-turut diadakan persidangan antarabangsa di sekitar tema hubungan dan dialog antara Islam dan Barat. Penganjurnya ialah Institut Diplomasi dan Hubungan Luar (IDFR). Tema Persidangan 2006 berbunyi "Siapa jurucakap Islam? Siapa jurucakap Barat?" Pada tahun 2007 tema Persidangan ialah "Islam dan Barat: Merapatkan jurang." Persidangan 2008 (9-10 Jun) mengekalkan tema tahun sebelumnya tetapi dengan menumpukan perhatian kepada langkah-langkah praktikal yang boleh diambil dengan segera bagi merapatkan jurang antara dunia Islam dan dunia Barat.

**Isu ketiga** ialah perlunya kita mempunyai "perspektif peradaban tersendiri" dalam menangani dan membahaskan isu globalisasi. Ada banyak isu yang perlu dianalisa selain daripada perspektif Barat. Antaranya, isu erti dan konsep globalisasi itu sendiri, isu asal usul globalisasi, isu penilaian globalisasi bagi menentukan buruk baiknya dan urutan keutamaan dimensi-dimensinya, dan isu bagaimana globalisasi harus dihadapi dan ditangani. Ambil contoh isu asal usul sejarah globalisasi. Dari perspektif Barat, peradaban Baratlah yang telah mencetuskan fenomena dan proses globalisasi buat pertama kalinya dalam sejarah dunia. Sesetengah pihak di Barat yang berpendapat bahawa globalisasi adalah fenomena khusus zaman kontemporari sudah tentu menonjolkan dunia Barat sebagai pencetus dan penggerak utama fenomena itu. Tetapi pihak lain yang mahu melihat globalisasi sebagai fenomena dunia yang telah berlaku jauh lebih awal dalam sejarah akan mengesan puncanya kepada dunia Barat juga, iaitu sekitar tahun 1500 apabila kuasa-kuasa baru muncul Barat menjelajahi dunia untuk menguasai ekonomi dan politik dunia. Pandangan seperti ini

tidak boleh dianggap sebagai pandangan global kerana ia tidak menepati hakikat sejarah dunia yang sebenarnya. Itu pandangan "berpusatkan Barat" ("western-centric").

Dari sudut pandangan tamadun Islam, yang lebih menepati hakikat sejarah dunia, sejarah globalisasi bermula lebih awal lagi, iaitu beberapa kurun lebih awal dari permulaan penjajahan Barat. Dalam bahagian berikutnya nanti, akan disentuh sedikit tentang peranan peradaban Islam sebagai pencetus dan penggerak gelombang pertama globalisasi yang pernah disaksikan oleh dunia. Apa pentingnya kita meninjau latarbelakang sejarah globalisasi dan menoleh jauh ke belakang dalam sejarah hingga ke zaman tamadun Islam menguasai dunia? Sebenarnya ada kerelevanannya. Kita akan dapat memaparkan beberapa perbezaan utama antara roh dan semangat globalisasi yang telah dikuasai oleh peradaban Islam dan roh dan semangat peradaban yang telah dicetuskan dan dikuasai oleh peradaban Barat sama ada dalam era penjajahan atau dalam zaman kontemporari. Dalam menyentuh isu-isu globalisasi yang lain juga akan kami mengambil pendekatan perbandingan peradaban.

### Konsep dan Teori Globalisasi

Setakat ini kita telah menggunakan istilah globalisasi tanpa memberi definisi yang jelas kepada istilah tersebut walaupun beberapa ciri dan dimensi globalisasi dinyatakan. Tetapi bagi perbincangan selanjutnya, konsep globalisasi perlu diuraikan dengan lebih terperinci lagi. Tujuan utama makalah ini ialah untuk meninjau pengaruh globalisasi terhadap peradaban. Tetapi sifat dan ruang lingkup pengaruh globalisasi yang boleh dibincangkan tergantung pada makna yang kita berikan kepada istilah globalisasi. Pada masa ini, kita tidak mempunyai definisi dan konsep globalisasi yang jelas dan disepakati umum. Kami tidak fikir bahawa kesepakatan di kalangan para ilmuwan dalam isu definisi dan konsep globalisasi akhirnya akan tercapai. Macam juga tidak ada kesepakatan ilmiah dalam perumusan konsep budaya dan peradaban. Namun demikian, adalah

penting bagi tujuan meneruskan perbincangan tentang pengaruh globalisasi terhadap peradaban agar diperjelaskan makna globalisasi yang dalam konteks perbincangan ini menjadi "sumber pengaruh" dan makna peradaban yang menjadi "penerima pengaruh."

Dalam pemakaianya dewasa ini, istilah "globalisasi" diberi beberapa pengertian dan difahami di dalam pelbagai konteks penggunaannya. Diturunkan di sini beberapa definisi dan penjelasan tentang globalisasi. Menurut Princeton N. Lyman, Felo Kanan di Institut Keamanan, Amerika Syarikat dan bekas Duta negara itu ke Afrika Selatan, globalisasi biasanya diertikan sebagai merujuk kepada "*rapid growth of interdependency and connection in the world of trade and finance.*"<sup>1</sup> Tetapi beliau sendiri berpendapat bahawa globalisasi tidak boleh dihadkan kepada fenomena perdagangan dan pengaliran kewangan yang berkembang dan kian meluas. Ini kerana, menurutnya, "*there are other trends driven by the same explosion of technological capability that have facilitated the financial changes. Globalization of communications is one such trend.*"<sup>2</sup>

Dalam sebuah terbitan yang menjelaskan agenda penyelidikannya, Pusat Kajian Globalisasi dan Regionalisasi (CSGR), Universiti Warwick, England juga menolak pengertian globalisasi yang yang terhad kepada fenomena ekonomi. Di samping itu, ia tidak dapat menerima pandangan yang mengatakan bahawa apa yang disebut globalisasi hanyalah merupakan fenomena Amerika Utara, bukannya fenomena Eropah.<sup>3</sup> Insitut itu menekankan pendiriannya bahawa kefahaman tentang globalisasi mengambil pelbagai dimensi, iaitu politik, ideologi, ekonomi dan budaya. Banyak benda boleh diglobalisasikan. Antaranya, "*goods, services, money, people, information, effects on the international order as well as less tangible things such as ideas, behavioural norms and cultural practices.*"<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Princeton N. Lyman, 'Globalization and the demands of governance,' *Georgetown Journal of International Affairs* (Winter/Spring 2000), Premier Issue, hal. 90.

<sup>2</sup> *Ibid.*

<sup>3</sup> *Center for the Study of Globalization and Regionalization.* Coventry: Warwick University

<sup>4</sup> *Ibid.*

Selaras dengan cakupan luas fenomena globalisasi ini, CSGR mempunyai dua pandangan terhadap fenomena itu. Pertama, globalisasi dilihat sebagai satu himpunan proses. *Globalization is "the emergence of a set of sequences and processes that are increasingly unhindered by territorial or jurisdictional barriers and that indeed enhance the spread of trans-border practices in economic, political, cultural and social domains."* Kedua, globalisasi dilihat sebagai satu wacana. *Globalization is "a discourse of political and economic knowledge offering one view of how to make the post-modern world manageable."*

David Loy, seorang pensyarah dari Universiti Bunkyo, Jepun dan salah seorang pembentang kertas di Persidangan Globalisasi anjuran JUST melihat globalisasi sebagai "*a complex set of developments: economic, political, technological and cultural.*"<sup>5</sup> Perisytiharan yang dikeluarkan di akhir Persidangan yang sama telah membuat kesimpulan berikut: "*Globalization refers to the interconnectedness of human activity on a global scale, to the unprecedented flows of capital and labour, technology skills, ideas and values across state and national boundaries, but in ways which neither states nor nations can adequately control.*"<sup>6</sup>

Kepelbagai dimensi globalisasi juga ditegaskan oleh Leonor Briones, Penggerusi Focus on the Global South, sebuah badan serantau bukan kerajaan (NGO) yang beribupejabat di Bangkok. Menurutnya, bukan sahaja terdapat globalisasi perniagaan dan ekonomi tetapi selari dengannya juga terdapat "*globalization of the democratic institutions, social development and human rights and the women's movement.*"<sup>7</sup> Akhirnya, memandangkan bahawa globalisasi ekonomi pada umumnya dianggap sebagai teras fenomena yang dinamakan globalisasi, maka ingin diturunkan di sini satu definisinya yang dikira dapat membantu kita merumuskan erti dan ciri-ciri globalisasi secara komprehensif. "*Economic globalisation is a deepening process of*

<sup>5</sup> David Loy, 'Can corporations become enlightened? Buddhist reflections on TNCs,' Joseph A. Camilleri and Chandra Musaffar, eds., *Globalization: The Perspectives and Experiences of the Religious Traditions of Asia Pacific* (Kuala Lumpur: International Movement for a Just World, 1998), hal. 63.

<sup>6</sup> *Ibid.*

<sup>7</sup> Leonor Briones, *Parallel Trends of Globalization*, <http://www.elibrary.com/s/edumark/getd...n:bigchalk.com:US>, January 3, 1977.

*interdependence of world economies in various fields, including production and market, which optimize the distribution of various production factors and resources by promoting cross-border flows of human resources, capital, commodities, services, technology and information.”<sup>8</sup>*

Berdasarkan beberapa definisi dan penjelasan terpilih ini yang boleh dianggap sebagai mewakili pandangan terbanyak, kita dapat mengenalpasti ide-ide kunci yang terkandung dalam konsep globalisasi. Dengan mengambil kira ide-ide ini kita dapat mengemukakan makna komprehensif globalisasi seperti berikut. Globalisasi ialah suatu himpunan proses pengaliran global berbagai-bagai jenis objek yang melibatkan pelbagai bidang aktiviti manusia. Objek yang diglobalisasikan boleh jadi fizikal atau bukan fizikal. Boleh jadi ia dalam bentuk maklumat, ide, nilai, institusi, atau sistem. Himpunan proses pengaliran global ini dan bidang aktiviti manusia yang terlibat kian kait mengait, saling bergantung dan kompleks sifatnya. Dengan bersandarkan takrif dan penjelasan ciri-ciri utama globalisasi yang dinyatakan di atas, kita dapatti adalah munasabah untuk membahagikan fenomena dan proses globalisasi kepada pelbagai dimensi termasuklah empat dimensi yang terpilih untuk dibincangkan kesannya terhadap peradaban.

Globalisasi yang diberi erti luas ini adalah suatu hakikat yang tidak dapat dipertikaikan. Kita juga mengambil pendirian di sini bahawa hakikat yang dinamakan globalisasi itu sudah wujud sebelum istilah globalisasi diperkenalkan lagi. “*Globalization was a reality without a name.*” Globalisasi tanpa nama ini sudah wujud bukan sahaja dalam era penjajahan dan imperialism Barat yang bermula di sekitar tahun 1500 tetapi juga sebelumnya dalam era tamadun Islam menguasai dunia. Malahan trend globalisasi dalam era dominasi Islam pula dapat dikesan akar umbinya ke zaman pra Islam.

Pada sifatnya, imperialisme adalah suatu bentuk globalisasi. Paling tidaknya, ia boleh dianggap sebagai agen globalisasi.

---

<sup>8</sup> *Multinationals Key Players in Economic Globalization* (Xinhua, China), <http://www.elibrary.com/s/edumark/getd...>, December 27, 2000

Setiap imperialisme mempunyai kecenderungan untuk mengglobalisasikan objek-objek tertentu. Dari segi ini, kita boleh memperkatakan bahawa sebelum Islam, tamadun Romawi dan tamadun Parsi telah mencetuskan trend-trend globalisasi tertentu dalam eranya atau pun memperpesatkan trend-trend yang sedia ada. Dalam membuat dakwaan bahawa globalisasi adalah suatu kenyataan sebelum zaman kontemporari, kami tidak bermaksud tidak ada perbezaan langsung antara globalisasi zaman sekarang dengan globalisasi zaman dahulu. Memang ada perbezaan ketara antara globalisasi dalam satu era dangan globalisasi dalam era yang lain. Namun demikian, perbezaan itu bukan dari segi sifat tetapi dari segi ciri-cirinya. Selagi kita bercakap tentang hakikat yang sama, iaitu globalisasi, maka selama itu sifatnya tetap sama tanpa mengira zamannya. Sifatnya ialah sebagai "*proses pengaliran global objek-objek.*" Malahan, secara kasarnya, bidang-bidang aktiviti manusia yang terbabit dengan proses pengaliran objek ini juga tidak berubah.

Keempat-empat dimensi globalisasi kontemporari yang hendak dibincangkan juga terdapat pada globalisasi zaman Islam. Tetapi ciri-ciri globalisasi banyak berubah sesuai dengan perubahan zaman. Misalnya, ciri kepesatan, ciri kesaling bergantungan, ciri keluasan dan ciri kepantasan. Berbanding dengan zaman-zaman lepas, pengaliran objek-objek pada zaman sekarang jauh lebih laju, lebih meluas dan melibatkan jenis dan kuantiti objek yang lebih banyak. Lihat sahaja kepada barang-barang ekonomi yang membanjiri pasaran dunia. Bidang-bidang utama aktiviti manusia tadi semakin maju dengan kewujudan sub bidang yang semakin bertambah dan berkembang dan bidang-bidang ini semakin kait mengait dan saling bergantung. Fenomena globalisasi boleh diklasaskan sebagai gelombang yang melanda dunia. Gelombang globalisasi pada zaman moden lebih besar, kuat dan laju daripada gelombang globalisasi dalam era Islam. Tetapi gelombang globalisasi zaman pasca moden lebih besar lagi, lebih perkasa dan lebih pantas lagi jika dibandingkan dengan gelombang globalisasi zaman moden.

Dalam bahagian yang berikut, satu tinjauan ringkas akan dibuat terhadap globalisasi dalam dua era yang lepas, iaitu era Islam dan era penjajahan Barat, dengan tujuan untuk mendapatkan sedikit gambaran dampak masing-masing ke atas

peradaban. Kemudian, dampak kedua-dua gelombang globalisasi ini boleh dibandingkan dengan kesan dan dampak yang mungkin didatangkan oleh globalisasi kontemporari.

## **Globalisasi Dalam Era Dominasi Islam**

Globalisasi dalam era Islam tertonjol dalam empat bidang iaitu bidang ilmu, bidang ekonomi khususnya perdagangan, bidang agama dan bidang sains dan teknologi. Bagi sesiapa juga yang memahami sifat agama Islam sebagai agama paling universal bukanlah suatu perkara yang menghairankan kita kalau Islam muncul sebagai pencetus dan penggerak utama globalisasi pada masa lampau atau pada masa-masa akan datang. Sesebuah kuasa atau sesuatu peradaban tidak boleh menjadi penggerak globalisasi sekiranya ia tidak memiliki semangat globalisme. Adalah suatu kebenaran bahawa "tidak ada globalisasi tanpa globalisme." Islam mempunyai semangat globalisme dan sangat berminat untuk melihat segala persoalan kemanusiaan dari perspektif global. Salah satu sumbangan besar Islam terhadap peradaban dunia ialah semangat globalisme dan kesejagatian yang telah dipupuknya dan ditüpinya ke segenap penjuru dunia. Semangat inilah yang telah memungkinkan Islam menjadi pengasas penulisan sejarah dunia, ilmu perbandingan agama, sosiologi, tradisi sains sejagat, institusi saintifik bertaraf "antarabangsa" dan penggembalaan dunia. Tanpa terasas semua amalan yang berdimensi global ini, sudah pasti kemajuan dunia dan proses globalisasi di zaman-zaman berikutnya lebih perlahan.

Di samping mempunyai semangat globalisme, Islam juga mempunyai institusi yang berperanan besar dalam meniupkan roh globalisasi di sepanjang zaman. Institusi haji merupakan agen terpenting globalisasi dalam peradaban Islam. Peranan institusi ini memang unik. Ia mencetuskan dan menggerakkan globalisasi dalam berbagai-bagai bidang termasuklah globalisasi maklumat dan ilmu pengetahuan dan globalisasi politik. Oleh kerana institusi ini kekal sifatnya, maka peranannya sebagai agen terpenting globalisasi dalam Islam juga berkekalan. Hari ini pun, pada ketika dunia Islam tidak bermaya menghadapi

cabaran globalisasi kontemporari, institusi hajilah satu-satunya institusi yang dapat menjamin semangat globalisme akan terus dihayati oleh dunia Islam.

Ilmu adalah salah satu penggerak utama peradaban Islam. Sikap positif Islam terhadap semua jenis ilmu pengetahuan telah memungkinkan tercetusnya gelombang pertama globalisasi ilmu yang pernah disaksikan oleh dunia. Dalam zaman kemegahannya, institusi ilmu seperti universiti betul-betul telah berperanan sebagai agen globalisasi ilmu dalam pengertian yang difahami hari ini. Pelajar-pelajar bukan Islam dari Cina di sebelah Timur dan dari England sebelah Barat seperti Roger Bacon dari Oxford telah menuntut di pusat-pusat ilmu dunia Islam untuk menimba ilmu pengetahuan. Sebagai salah satu kesan globalisasi ilmu ini, bahasa Arab telah diglobalisasikan sebagai bahasa ilmiah antarabangsa yang perlu dipelajarai oleh sesiapa juga yang inginkan kemajuan pada masa itu. Mulai kurun kesepuluh Masehi, bahasa Arab telah diajar di pusat-pusat ilmu di Jerman, Perancis, England, dan Itali. Kepantasan penyebaran ilmu terkini juga mengagumkan. Telah dilaporkan bahawa dua saintis agung Islam, Ibn Sina dan al-Biruni yang hidup sezaman pada kurun kesepuluh telah berdebat di Asia Tengah tentang beberapa isu saintifik. Beberapa hari kemudian, perbahasan itu telah heboh diperkatakan oleh para ilmuwan di Sepanyol. Ini menunjukkan tahap globalisasi ilmu yang telah dicapai dalam era pra internet.

Globalisasi moden tidak mungkin menjadi suatu kenyataan sekiranya tidak ada tradisi pelayaran dan pengembaraan global sebelumnya. Kemunculan peradaban Islam sebagai sebuah peradaban global telah membuka suatu era baru dalam dunia pelayaran dan pengembaraan. Faktor-faktor khusus yang telah merevolusikan dunia pelayaran dan pengembaraan dalam era Islam dan perihal banyaknya tertulis kisah-kisah pengembaraan telah diterangkan oleh Seyyed Hossein Nasr seperti berikut: "The vastness of the Islamic world, and the unity imposed upon it by a common law, sacred language and cultural elements, facilitated travel to the farthest regions by both land and sea. The accounts of these travels, which vary greatly in quality, provide a precious source for the study of many different human societies, as well as of aspects of natural history and geography.

There is hardly a region which some traveler did not visit, whether in Central Africa, in northern Europe or in the farthest confines of Asia.”<sup>9</sup>

Selama empat kurun, iaitu dari kurun kesepuluh hingga ke kurun keempatbelas Masehi, pelayar-pelayar Islam menjadi “raja laut” yang tidak ada tandingan. Inilah zaman pengembalaan yang telah menghasilkan legenda Sinbad the Sailor dalam kisah Seribu Satu Malam yang masih mempesona imaginasi dunia. Kemajuan dalam bidang pelayaran berkaitrapat dengan kemajuan komunikasi dan globalisasi perdagangan. Maka bukanlah secara kebetulan sahaja bahawa tempoh empat kurun yang dinyatakan tadi merupakan tempoh Islam mendominasi perdagangan dan ekonomi dunia. Terdapat suatu pertalian dan interaksi yang dinamis antara dua bidang itu. Kalaulah hari ini peniaga-peniaga Jepun, Amerika dan Eropah membanjiri dunia Islam untuk urusan perniagaan dan perdagangan, di masa lampau dalam kurun-kurun yang tersebut di atas peniaga-peniaga Islam yang membanjiri pasaran dunia. Di negeri Cina, salah sebuah pusat perniagaan terkemuka di dunia pada zaman itu, masyarakat peniaga-peniaga Islam yang datang dari serata dunia Islam agak besar dan mereka amat dihormati. Ibn Battuta yang pernah melawat negara itu pada kurun keempatbelas Masehi telah merakamkan pemerhatiannya seperti berikut: *“In every Chinese city there is a quarter for Muslims in which they live by themselves, and in which they have mosques both for the Friday services and for other religious purposes. The Muslims are honoured and respected.....When a Muslim merchant enters any town in China, he is given the choice between staying with some specified merchant among the Muslims domiciled there, or going to a hostelry.”*<sup>10</sup>

Rantau Nusantara yang terletak di kawasan geografi yang amat strategik di tengah-tengah laluan perdagangan antarabangsa yang menghubungkan Timur dan Barat telah menerima pengaruh dan kesan besar daripada globalisasi

<sup>9</sup> Seyyed Hossein Nasr, *Science and Civilization in Islam* (Cambridge: The Islamic Texts Society, 1987), hal. 237.

<sup>10</sup> Ibn Battuta, *Travels in Asia and Africa*, terjemahan Hamilton A. R. Gibb (London: C. Rankedge & Sons, Ltd., 1929), hal. 282.

ekonomi era Islam ini. Berkat gelombang globalisasi ekonomi ini, alam Melayu telah menerima kedatangan kaum pedagang Islam yang singgah atau bermastautin di sini. Sebagai salah satu kesan utamanya, agama Islam mula tersebar di dunia sebelah sini. Pada hari ini terlalu sukar untuk kita bayangkan kaum pedagang boleh menjadi pengembang agama. Budaya pedagang moden dan kontemporari tidak serasi dengan tuntutan “budaya bermartabat tinggi” (high culture) sama ada budaya agama atau budaya intelektual. Oleh yang demikian, adalah suatu yang terpuji bahawasanya kaum pedagang Islam telah memberi sumbangan signifikan terhadap pengembangan agama Islam di rantau ini. Zaman yang sama juga telah menyaksikan peningkatan globalisasi keagamaan menerusi aktiviti global dakwah Islam. Kedatangan Shaykh Isma’il, utusan Sharif Mekah, ke Samudra pada kurun ketigabelas Masehi untuk berdakwah dengan disertai oleh bekas Raja Ma’abri (Coromandel coast), Sultan Muhammad, yang sanggup turun takhta demi dakwah dan kedatangan Makhdum Karim (Tuan Sharif Awliya’) ke Sulu pada kurun keempatbelas Masehi untuk menyebarkan Islam di kawasan itu harus dilihat dalam konteks globalisasi dakwah yang mendapat momentum baru mulai kurun ketigabelas Masehi. Sebagai akibat dua dimensi globalisasi ini, Islam telah berkembang pesat di alam Melayu. Peradaban Melayu-Islam muncul sebagai peradaban terbesar dan paling berpengaruh di Asia Tenggara.

Tinjauan ringkas globalisasi era Islam ini sekadar untuk menekankan dua perkara. Pertama, Islam adalah pencetus gelombang pertama globalisasi yang mendominasi dunia hingga ke akhir kurun kelimabelas Masehi. Kedua, pengaruh dan dampak globalisasi era Islam ke atas alam Melayu adalah begitu besar sehingga terbentuk suatu peradaban baru yang layak dipanggil peradaban Melayu-Islam. Pengalaman beberapa kurun dunia Melayu dalam menerima pengaruh dan kesan globalisasi Islam boleh dijadikan panduan berguna kepada kita untuk menghadapi cabaran globalisasi kontemporari dan seterusnya untuk mentaksirkan dan menilai pengaruh dan kesannya ke atas peradaban Malaysia.

## Globalisasi Dalam Era Penjajahan Barat

Amat munasabah jika gelombang besar kedua globalisasi dianggap sebagai bermula di sekitar 1500 M. Tarikh ini menandakan bermulanya kejatuhan Islam sebagai kuasa dunia dan Islam sebagai peradaban terkemuka dunia. Serentak dengannya ialah bermulanya era dunia Barat Kristian sebagai kuasa dunia dan era peradaban Barat sebagai peradaban tergagah di dunia. Dari perspektif global, ada tiga peristiwa besar lagi penting yang melambangkan era baru globalisasi. Peristiwa pertama ialah kejatuhan benteng terakhir Kerajaan Islam Andalusia (Sepanyol) di Grenada pada tahun 1491. Peristiwa kedua, pelayaran Christopher Columbus ke "Dunia Baru" dan "penemuan" benua Amerika olehnya pada tahun 1492. Peristiwa ketiga ialah kejatuhan Kerajaan Islam Melaka di tangan bangsa Portugis pada tahun 1511M. Memang sukar hendak dicari peristiwa yang lebih simbolik kepada dunia Barat dan juga dunia Islam sendiri daripada tiga peristiwa yang berlaku hampir serentak ini. Di Barat dan di Timur, Kerajaan Islam dijatuhkan oleh bangsa yang pernah diperintah berkuru-kurun oleh orang Islam. Khususnya, penaklukan Melaka oleh Portugis menandakan era penjajahan Barat telah bermula. Sejak itu, satu demi satu bumi Islam di Asia dan Afrika jatuh ke tangan kuasa-kuasa baru muncul Eropah. Dengan penemuan Amerika pula oleh bangsa Eropah, gelanggang globalisasi juga semakin luas.

Dunia Islam dengan peradabannya tidak jatuh seluruhnya serentak. Peradaban naik dan turun mengikut hukum-hukum alamnya sendiri. Ia tidak naik secara tiba-tiba dan tidak turun dengan serta merta. Setelah merosot ke suatu tahap, ia boleh naik semula ke puncak baru. Dalam era yang diperkatakan ini masih muncul kuasa baru dari kalangan umat Islam. Khasnya, Turki telah muncul sebagai kuasa dunia yang digeruni Eropah. Seluruh Balkan ditaklukinya. Tentera Turki mara hingga ke "gates of Vienna." Tetapi pada umumnya, proses kemerosotan peradaban Islam telah bermula. Namun demikian, di tengah-tengah kebangunan Eropah ini dengan kuasa yang kian mendominasi dunia, Islam terus menerus memberi tentangan dan persaingan sengit hingga ke hari ini. Globalisasi era kedua

ini yang berakhir dengan kemerdekaan bangsa-bangsa yang telah dijajah oleh kuasa-kuasa Barat bolehlah dilihat sebagai pertarungan sengit antara kuasa-kuasa Barat dan kuasa-kuasa Islam dan sebagai perebutan pengaruh antara peradaban Barat dan peradaban Islam.

Dari segi pandangan kuasa-kuasa Barat sendiri, semangat globalisasi dalam gelombang kedua ini disemarakkan oleh tiga G yang masyhur, iaitu "God, Gold and Glory." Dalam bahasa Melayunya, 3 K, iaitu "Ketuhanan, Kekayaan dan Keagungan." Amat mustahak kita memahami semangat tiga G ini sekiranya kita ingin menyelami psiki (psyche) Barat yang mendorong mereka untuk mendominasi bukan sahaja globalisasi era penjajahan ini tetapi juga globalisasi kontemporari. Terdapat kesinambungan semangat antara dua era globalisasi ini. Merujuk kepada G atau K yang pertama ("God" atau "Ketuhanan"), dunia Barat berminat untuk menyebarkan agama Kristian ke seluruh dunia. Agama Kristian macam juga agama Islam adalah agama tabligh. Tetapi Islamlah yang mula-mula mengglobalisasikan agama. Dunia Barat mengglobalisasikan agama Kristian sebagai reaksi dan persaingan kepada Islam yang telah pun menjadi agama global. Fakta ini akan terus menjanjikan perebutan pengaruh dan pengikut antara dua agama ini. Implikasi politiknya juga banyak. Sepanyol dan Portugal yang merupakan dua kuasa dunia terawal dari Barat dalam era globalisasi yang diperkatakan ini telah berjaya menjadikan benua Amerika Selatan sebagai benua Katolik.

Asia Tenggara turut menerima kesan globalisasi agama Sepanyol yang mula tiba di kawasan ini di pertengahan kedua kurun keenambelas Masehi. Kepulauan Filipina telah dikristiankan. Hanya keberanian dan kegagahan bangsa Moro yang telah menyekat kemaraan Kristianisasi ke Filipina Selatan. Apa pun, konflik tiga ratus tahun di Filipina Selatan yang masih berterusan adalah kesan berpanjang globalisasi agama yang diterajui oleh Sepanyol. Walaupun selepas kurun ketujuhbelas Masehi pengaruh agama Kristian di Barat mengalami kemerosotan, namun di Afrika dan Asia agama itu terus berkembang. Dewasa ini, banyak kumpulan gereja di Barat bergerak cergas sebagai agen globalisasi agama Kristian.

Kumpulan evangelical muncul sebagai penggerak yang paling aktif dan agresif. Merujuk kepada G dan K yang kedua ("Gold" atau "Kekayaan" yang dilambangkan oleh emas), kuasa-kuasa Barat berminat untuk mengaut kekayaan tanah jajahan untuk dibawa pulang ke negara masing-masing. Perebutan emas dan sumber kekayaan lain di tanah jajahan di tiga benua dan monopoli perdagangan dunia merupakan penggerak utama globalisasi era ini. Mereka telah berperang sesama sendiri kerananya. Alam Melayu terjejas bermacam cara oleh konflik di kalangan kuasa-kuasa kolonial ini. Khususnya, pembangunan dan kemajuan peradaban Melayu-Islam terjejas teruk. Merujuk kepada G atau K ketiga ("Glory" atau "Keagungan"), dunia Barat telah mempunyai tanggapan yang berubah-ubah mengikut perubahan zaman. Di peringkat awal era penjajahan ini, maksud "glory" yang meliputi ide kebanggaan dan kemegahan ditujukan kepada raja dan bangsa. Kemudian, apabila timbul kesedaran meluas terhadap hakikat peradaban Barat yang dikongsi bersama oleh pelbagai bangsa Eropah, konsep keagungan mula dipindahkan kepada peradaban Barat. Hari ini yang diagungkan ialah nilai-nilai Barat seperti nilai dan sistem demokrasi, yakni sistem pemerintahan. Dalam konteks zaman ini, tiga G merujuk kepada "gold, governance, and God."

### Pengaruh Globalisasi Terhadap Peradaban

Banyak pihak di dunia telah dan sedang menilai buruk baiknya globalisasi kontemporari, terutamanya globalisasi ekonomi. Chandra Muzaffar telah menyenaraikan lapan kebaikan globalisasi tetapi senarai keburukannya lebih panjang, iaitu sebanyak tigabelas keburukan.<sup>11</sup> Walaupun perkiraan kuantiti tidak semestinya boleh disamakan dengan pertimbangan kualiti dalam menilai globalisasi, namun banyak pihak berpendapat bahawa globalisasi mendatangkan lebih banyak keburukan kepada umat manusia seluruh dunia daripada kebaikan. Menurut Chandra, lapan aspek positif globalisasi ialah (1)

---

<sup>11</sup> Lihat Joseph A. Camilleri & Chandra Muzaffar, eds. *Globalization*, hal. 180-186.

peranan pelaburan asing (FDI) dalam mewujudkan pekerjaan dan mengurangkan kemiskinan di sebilangan negara, (2) peningkatan mobiliti sosial dan pengukuhan kelas menengah, (3) peluang yang lebih luas untuk mendapatkan maklumat dan menyebarkan ilmu pengetahuan berkat teknologi baru komunikasi dan maklumat, (4) komunikasi yang lebuh mudah dan juga murah, (5) peluang yang lebih luas untuk manusia dari berbagai-bagai kumpulan etnik, budaya dan agama berinteraksi, (6) peluang lebih luas untuk menzahirkan simpati dan rasa keperimanusiaan mereka terhadap mangsa-mangsa pelbagai jenis bencana alam dan tragedi buatan manusia di seluruh dunia, (7) penonjolan idea-ide dan amalan pemerintahan yang baik seperti pertanggungjawaban awam, peraturan undang-undang dan hak-hak asasi manusia dan akhir sekali (8) penonjolan hak-hak asasi kaum wanita.

Jika diperhatikan, maka kita dapatati bahawa sebahagian besar manfaat globalisasi adalah yang berkaitan dengan dimensi ekonomi manakala bakinya berkaitan dengan dimensi politik dan sosial. Namun seperti yang ditegaskan oleh Chandra, semua aspek globalisasi yang dianggap positif ini sepatutnya dialukan oleh semua agama. Dari segi keburukan globalisasi pula, tigabelas perkara yang disenaraikan oleh Chandra ialah:

1. Kualiti alam sekitar yang semakin merosot sebagai akibat terlalu mementingkan faktor keuntungan.
2. Pembangunan yang tidak seimbang dan jurang perbezaan ekonomi yang semakin melebar antara kawasan-kawasan di sesebuah negara dan antara sektor-sektor ekonomi.
3. Pengabaian keperluan asas hidup di kalangan rakyat termiskin di banyak negara terutamanya di negara-negara Selatan
4. Modal jangka pendek yang keluar masuk pasaran seperti kilat sebagai akibat amalan baru yang menjadikan wang sendiri sebagai komoditi keuntungan.
5. Pengangguran yang semakin memburuk dan jurang perbezaan pendapatan yang semakin melebar di negara-negara Utara sendiri.

6. Penyebaran budaya pengguna yang bertentangan dengan tuntutan nilai-nilai kerohanian dan moral yang murni dan yang merendahkan martabat keinsanan manusia.
7. Kecenderungan ke arah pembentukan suatu budaya global yang homogen menerusi peranan yang dimainkan oleh perbadanan transnasional dan media komunikasi global.
8. Penyebaran budaya pop Amerika yang “menyegarkan pancaindera dan mematikan roh”.
9. Kecenderungan pusat-pusat pengajian tinggi untuk memberi keutamaan kepada kursus-kursus ilmu pengurusan dan teknik dengan mengabaikan kursus-kursus ilmu kemanusiaan dan kemasyarakatan.
10. Pembanjiran maklumat yang tidak berguna.
11. Amerika Syarikat dan beberapa negara Eropah memanipulasikan isu-isu demokrasi dan hak-hak asasi manusia untuk mendominasi politik dunia.
12. Pengantarabangsaan jenayah yang menyukarkan jenayah dibendung.
13. Pengantarabangsaan penyakit.

Pada pendapat kami, senarai buruk baik globalisasi yang diberikan oleh Chandra ini sudah cukup komprehensif, khususnya bagi tujuan untuk digunasuaikan dalam perbincangan di sini. Tugas kami ialah untuk menilai aspek-aspek baik dan aspek-aspek buruk globalisasi kontemporari dari perspektif peradaban. Telah kami tegaskan sebelum ini bahawa perspektif peradaban adalah perspektif jangka panjang. Dalam perspektif jangka panjang, kita lebih mengutamakan isu-isu yang lebih pokok sifatnya seperti isu nilai-nilai kemanusiaan dan kemasyarakatan dan isu pembentukan institusi-institusi politik, ekonomi dan sosial yang lebih kekal sifatnya. Juga perspektif peradaban lebih mementingkan isu pembentukan budaya yang sihat baik budaya politik mahu pun budaya intelektual. Kita sedia maklum bahawa peradaban Islam merupakan teras peradaban Malaysia. Kita mengambil kira fakta ini dalam kita menilai implikasi globalisasi kontemporari kepada proses pembentukan peradaban di negara ini. Kita juga percaya bahawa oleh kerana perspektif Islam yang hendak

digunakan adalah perspektif universal, maka pertimbangan-pertimbangan yang dibuat seharusnya dapat diterima oleh agama-agama lain di Malaysia.

Senarai buruk baik globalisasi yang tersebut di atas mengesahkan kedudukan dimensi ekonomi sebagai dimensi terpenting globalisasi masa kini dan juga yang paling berpengaruh. Punca utama globalisasi ekonomi meninggalkan banyak kesan negatif dalam pelbagai bidang kehidupan manusia sejagat ialah sifat dan ciri fenomena kapitalisme global yang menjadi teras dan tumpuan dimensi globalisasi berkenaan. Kapitalisme menekankan ide dan amalan perdagangan bebas, liberalisasi pasaran kewangan dan pengaliran bebas modal tetapi nampaknya konsep kebebasan dan liberalisasi yang difahami dan diamalkan ini betul-betul bebas dari nilai-nilai murni yang diperjuangkan oleh Islam dan agama-agama lain. Kita tidak nampak bagaimana amalan ekonomi seperti yang dianjurkan oleh kapitalisme global ini dapat memberi kebaikan kepada golongan terbanyak. Globalisasi ekonomi dalam era Islam juga mengamalkan pasaran dan perdagangan bebas tetapi amalan itu berdasarkan nilai-nilai kerohanian dan moral seperti keadilan dan kamakmuran bersama. Peradaban ekonomi yang negara ini perlukan ialah sistem, institusi dan amalan ekonomi yang didasarkan kepada nilai-nilai seperti itu. Prinsip-prinsip ekonomi dan ajaran-ajaran lain yang relevan dengan ekonomi seperti yang terkandung dalam al-Quran dan Sunnah Nabi s.a.w. boleh memberi sumbangan besar terhadap usaha untuk membentuk peradaban ekonomi yang dihajatkan ini.

Tetapi malangnya, dari segi teori dan amalannya, prinsip-prinsip ini agak terbiar. Apa yang disebut-sebut sebagai ekonomi Islam oleh beberapa kalangan perlu dikaji semula. Di Barat sendiri ada wacana tentang konsep pembangunan yang berasaskan keimanan dan kepercayaan agama (faith-based development). Misalnya, pada tahun 2003 dialog telah diadakan di Universiti Harvard antara agama-agama tentang konsep pembangunan ini. Dialog itu dianjurkan oleh beberapa pihak dan beberapa buah badan termasuk World Peace Foundation, Archbishop of Canterbury, Aga Khan Foundation dan World Bank. Tumpuan perbincangan ialah kepada pendekatan Islam

terhadap isu pembangunan yang berdasarkan keimanan. Institusi ekonomi yang didasarkan kepada ibadat haji dan prinsip zakat adalah contoh penting pembangunan ekonomi dalam pengertian yang diperkatakan. Ini menunjukkan bahawa ide pembangunan ekonomi yang berteraskan ajaran-ajaran Islam boleh diglobalisasikan.

Dari segi globalisasi maklumat dan ilmu, Chandra telah menyimpulkan dengan baiknya apabila beliau menyatakan bahawa kesan terburuk dimensi ini ialah pembanjiran maklumat yang tidak berguna. Islam sebagai agama yang menekankan kecintaan terhadap ilmu dan hikmah memandang dengan cukup serius masalah maklumat dan ilmu yang tidak berguna. Bahaya maklumat tidak berguna ini perlu diatasi dengan segera kerana ia boleh membantut usaha kita untuk melahirkan manusia yang benar-benar berilmu dan usaha mewujudkan budaya ilmu yang sihat. Tradisi ilmu Islam yang positif perlu dihayati. Maklumat yang tidak benar dan yang tidak berguna mungkin sukar untuk dibendung daripada terus mengalir ke dalam masyarakat kita. Kalaupun ia tidak boleh disekat, ia boleh dijawab dengan maklumat dan ilmu yang benar. Kebenaran perlu disebarluaskan seluas-luasnya. Selain masalah bahaya maklumat tidak berguna, kita juga berhadapan dengan masalah jurang perbezaan peluang untuk mengakses maklumat. Jurang ini antara rakyat bandar dan rakyat luar bandar semakin melebar. Masalahnya, ia membabitkan perbezaan antara kaum dan kumpulan etnik. Keadilan dalam bidang ilmu pengetahuan juga perlu dilihat dalam masyarakat kita.

Merujuk kepada globalisasi politik, kita perlu menghadapi cabaran penyebaran ide-ide seperti demokrasi, pluralisme dan hak-hak asasi manusia dengan berpandukan ajaran-ajaran yang ada dalam agama dan tradisi kita. Yang nyatanya, wacana tentang ide-ide tersebut perlu dipertingkatkan. Sebilangan intelektual Muslim yang menetap di Barat menegaskan bahawa demokrasi bukanlah sistem yang ideal tetapi mereka juga berpendapat bahawa dalam konteks zaman ini ia merupakan yang terbaik untuk manusia. Apa pun pandangan kita tentang demokrasi, itu ini perlu ditangani dalam suasana bebas dan tenang. Kita yakin boleh diwujudkan sistem demokrasi yang

lebih baik lagi dan yang serasi pula dengan ajaran Islam. Begitu juga dengan isu pluralisme dalam pengertiannya yang luas, termasuklah pluralisme keagamaan, kebudayaan dan kepercayaan politik.

Dari segi globalisasi keagamaan, kami berpendapat bahawa trend masyarakat Cina untuk memeluk agama Kristian akan berterusan dan mungkin berkembang jika kita asaskan kepada perkembangan keagamaan masyarakat keturunan Cina di Taiwan, Singapura dan Hongkong. Apa implikasinya kepada masa depan pluralisme keagamaan di negara ini sukar hendak diramalkan. Cuma yang kami bimbangkan ialah "a politicised Christianity" yang diglobalisasikan oleh kumpulan-kumpulan gereja tertentu di Barat akan turut mempengaruhi perkembangan agama Kristian di sini. Bagaimanapun, dialog antara agama dan dialog peradaban perlu diperbanyakkan dan kualiti wacananya dipertingkatkan. Orang-orang Islam perlu terlibat secara aktif dalam dialog-dialog ini dalam keadaan bersedia.

## Rumusan

Gelombang globalisasi kontemporari adalah yang terbesar dan terkuat pernah melanda dunia. Pengaruhnya sungguh besar dan luas sehingga ia meliputi semua bidang peradaban. Demi menjamin proses pembinaan peradaban di negara ini di atas landasan kerohanian dan moral yang dituntut oleh Islam dan agama-agama lain berterusan tanpa banyak terjejas, kita dipanggil untuk menilai buruk baik fenomena globalisasi ini dengan lebih teliti lagi. Kebaikannya perlu dimakmurkan dan dimanfaatkan oleh rakyat negara ini. Keburukannya perlu dihindari dan diatas sebaik mungkin. Untuk berjaya, insya' Allah, kita perlu menggunakan segala kekuatan dan kekayaan yang ada pada kita, terutamanya kekayaan dalaman (*inner riches*) yang terdapat dalam agama dan tradisi kita baik yang berupa kerohanian mahu pun yang berupa intelektual atau keilmuan